

OGOS '15

ISSN 2229-824X



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
MALAYSIA

JPS CARELINE 1 300 80 1010  
www.water.gov.my

MENJADI ANTARA ORGANISASI SEKTOR AWAM YANG UNGGUL DI DUNIA



# JPS Updates

## WARNA-WARNI AIDILFITRI JPS 2015



LAWATAN  
TIMBALAN MENTERI  
SUMBER ASLI &  
ALAM SEKITAR  
KE IBU PEJABAT  
JPS MALAYSIA

m/s 02



TAKLIMAT KHAS  
YB. MENTERI SUMBER  
ASLI & ALAM SEKITAR

m/s 04



PROGRAM  
WAKE UP CALL  
INTEGRITI DI JPS  
BAHAGIAN  
DAN NEGERI BAGI  
BULAN OGOS  
TAHUN 2015

m/s 06



HARI WANITA  
KEBANGSAAN  
2015

m/s 08

# LAWATAN TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR KE IBU PEJABAT JPS MALAYSIA

Oleh: Bahagian Korporat

Timbalan Menteri Sumber Asli & Alam Sekitar, YB Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri telah mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia pada 20 Ogos 2015 diiringi oleh Ketua Pengarah JPS Malaysia YBhg. Dato' Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim. Lawatan ini bertujuan untuk beramah mesra bersama pegawai-pegawai tertinggi Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.



## PROGRAM LAWATAN TEKNIKAL JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN (JKK) IBU PEJABAT JPS MALAYSIA

Oleh: Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal

Bertempat di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2, Bestari Jaya telah berlangsungnya Lawatan Teknikal Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) peringkat Ibu Pejabat JPS Malaysia pada 19 Ogos 2015. Lawatan ini diketuai oleh YBhg. Dato' Ir. Hj. Zulkefli bin Hassan, Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar) diringi bersama iaitu Ir. Wahid Anuar Bin Ahmad (Pengarah BPMI), Tn. Hj. Jailani Bin Abdul Majid (Pengarah BKP), Ir. Hj. Muhamad Khosim bin Hj. Ikhsan (Pengarah BPME), En. Mohd Sor Bin Othman (Timbalan Pengarah BPZP), Ir. Zainab Bt. Hashim (Timbalan Pengarah HTC KL) dan Ir. Zulkefli Bin Mat Sain (PLSK). Turut hadir bersama En. Izan Suhaini, Pengurus Loji SSP2 dan En. Ku Mahidi Ku Alit, Pengurus Seksyen Pengurusan Keselamatan, Keselamatan, Persekitaran dan Kualiti, Puncak Niaga (M) Sdn Bhd..



Tujuan lawatan ini adalah untuk memahami dan menilai amalan terbaik Puncak Niaga (M) Sdn Bhd di dalam membangun, melaksana dan mengekalkan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang berkesan.

Selain itu, ia dapat membantu meningkatkan kefahaman dikalangan ahli JKK IP berkenaan pengurusan KKP dan seterusnya dapat menambahkan sistem sedia ada bagi mewujudkan budaya kerja selamat yang lebih berkesan khususnya di kalangan warga JPS Ibu Pejabat dan membentuk kerjasama dua hala di antara sektor awam dan swasta bagi memperbaiki mutu perkhidmatan di dalam setiap aspek yang diceburi oleh kedua-dua pihak.

Puncak Niaga (M) Sdn Bhd merupakan Pemenang Anugerah KKP untuk Kategori Kemudahan Air daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bagi Tahun 2014.



# PERJUMPAAN PIC SISWA V2.0 BIL.1/2015

Oleh: Bahagian Khidmat Pengurusan

Pada 13 Ogos 2015, Bahagian Khidmat Pengurusan yang diketuai oleh Tn Hj. Jailani b. Abdul Majid, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan telah mengadakan satu perjumpaan bersama PIC SISWA Bahagian/Projek/Negeri/MADA di Blik Mesyuarat Gerakan Daerah Sepang, Kompleks Pejabat Daerah Sepang.

Perjumpaan ini juga telah dihadiri oleh Ir. Mohd. Yahya b. Ahmad – Jurutera Projek, Rancangan Pengairan Muda, Ir. Muhamad b. Kadir, Timbalan Pengarah, JPS Terengganu, Ir. Wan Hasitiaziah bt. Mohd Hassan – Jurutera Projek, RTB Sg. Kerian serta 41 kakitangan yang terlibat.

Tujuan perjumpaan ini diadakan adalah untuk membincangkan beberapa perkara yang perlu ditingkatkan dan diperbaiki supaya Sistem Warga (SISWA v2.0) ini dapat dijayakan selaras dengan penarafan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia yang merupakan jabatan bertaraf dunia.

Dengan adanya perjumpaan seumpama ini, ia akan dapat mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pengguna semasa menggunakan Sistem SISWA v2.0 dan secara tidak langsung dapat meningkatkan status pengemaskinian setiap Bahagian/Projek/Negeri/MADA selaras dengan objektif penubuhan SISWA sebagai satu pangkalan data maklumat pegawai/kakitangan JPS Malaysia.



## PROGRAM PENYERAHAN SUMBANGAN BANTUAN MISI KEMANUSIAAN PELARIAN ROHINGYA ANJURAN BUBPK 2015

Oleh: Bahagian Ukur Bahan Dan Pengurusan Kontrak

Urusetia Bahagian Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak (BUBPK) telah mengaturkan satu Program Penyerahan Sumbangan Bantuan Misi Kemanusiaan Pelarian Rohingya pada 9 Ogos 2015 bertempat di Depot Imigresen Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Program ini merupakan Program Amal dan Kebajikan yang pertama bagi tahun ini untuk meningkatkan nilai moral dan kemanusiaan di kalangan warga BUBPK.

Misi penyerahan bantuan ini telah selamat tiba jam 11.30 pagi serta disambut baik oleh pegawai-pegawai Jabatan Imigresen Malaysia.

Menurut Tn. Che Mohd Noor bin Che Muda, Timbalan Komandan Depot, walaupun isu hangat mengenai pelarian Rohingya ini tertumpu di kawasan sebelah utara Semenanjung Malaysia, namun masalah ini turut berlaku di negeri lain khusus sekitar Lembah Klang, Kuala Lumpur. Bagaimanapun bilangan pelarian Rohingya di Depot Imigresen Bukit Jalil adalah merupakan golongan minoriti berbanding pelarian-pelarian negara lain.

Beliau berharap agar usaha murni sebegini akan diteruskan sungguhpun banyak Agensi Kerajaan dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) menyumbangkan pelbagai jenis bantuan untuk tahanan-tahanan di depot ini.



Oleh: Bahagian Korporat

# WARNA-WARNI AIDILFITRI JPS 2015

Sambutan Majlis Hari Raya Aidilfitri yang dianjurkan oleh JPI (Jawatankuasa Pembangunan Islam) dan Puspanita JPS telah diadakan pada 14 Ogos 2015 bertempat di Auditorium JPS Ampang. Majlis ini telah dihadiri oleh Menteri Sumber Asli & Alam Sekitar, YB Dato' Sri Dr Hj. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar diiringi isteri YBhg. Datin Sri Feona Sim. Sempena majlis ini juga telah diadakan Pertandingan Gerai Terbaik di antara Bahagian-Bahagian JPS Malaysia. Berikut adalah senarai pemenang bagi pertandingan tersebut :

1. Johan : Bahagian Korporat
2. Naib Johan : Bahagian Bangunan & Insfrastuktur
3. Ketiga : Bahagian Pengurusan Maklumat



# TAKLIMAT KHAS YB. MENTERI SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR

Oleh: Bahagian Korporat



Pada 14 Ogos 2015 juga berlangsungnya satu sesi taklimat khas kepada Menteri Sumber Asli & Alam Sekitar, YB Dato' Sri Dr Hj. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar. YBhg. Dato' Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim, Ketua Pengarah JPS telah membentangkan fungsi & halatuju Jabatan kepada Menteri dan pegawai tertinggi Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar.



# PELANCARAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) JABATAN

Oleh: Bahagian Korporat

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Jabatan telah dilancarkan pada 14 Ogos 2015. Ia merupakan satu penjenamaan kepada 5S yang lebih menampilkan imej korporat, menitikberatkan keselamatan persekitaran yang berkonsepkan 'Go Green' serta meningkatkan daya saing di kalangan jabatan kerajaan.

Seluruh warga ibu pejabat seharusnya telah memulakan EKSA ini di zon masing-masing dan JPS Malaysia menyasarkan pensijilan EKSA oleh MAMPU pada penghujung tahun 2015.



# LAWATAN TEKNIKAL (SME) PROGRAM RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA (FASA 1)

Oleh: Bahagian Pengurusan Zon Pantai

Pada 21 Ogos 2015 telah berlangsungnya lawatan teknikal ke Stesen Telemetri Pasang Surut JUPEM dan Stesen Telemetri Aras Air JPS Negeri Selangor yang diketuai oleh Ir. Arman bin Mokhtar dan turut hadir Pn. Paridah Anun binti Tahir Timbalan Pengarah, Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi, Lt. Kdr. Musa Raiman, wakil TLDM (Pusat Hidrografi Nasional) dan Sr. Ahmad Hilmi, wakil JUPEM.

Program lawatan ini bertujuan memberi gambaran dan pendedahan kepada pasukan Subject Matter Expert (SME) JPS yang terlibat



di dalam Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (Fasa 1) berkenaan instrumentasi dan sistem Stesen Telemetri JUPEM sediada sebagai rujukan dalam perancangan menyediakan stesen-stesen telemetri pasang surut di Negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu.



# PROGRAM WAKE UP CALL INTEGRITI DI JPS BAHAGIAN DAN NEGERI BAGI BULAN OGOS TAHUN 2015

Oleh: Unit Integriti



Unit Integriti JPS Malaysia telah menganjurkan Program *Wake Up Call* Integriti di dua (2) buah pejabat iaitu di Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai (BPLS) dan JPS Negeri Johor sepanjang bulan Ogos 2015. Taklimat Program *Wake Up Call* Integriti telah disampaikan oleh Ketua Unit Integriti JPS iaitu Ir. Hj. Norlida binti Mamad @ Samad.

Program *Wake Up Call* di Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai (BPLS) telah diadakan pada 3 Ogos 2015 bertempat di Bilik Mesyuarat BPLS. Seramai 31 orang pegawai dan kakitangan BPLS telah menghadiri program ini. Pengarah BPLS turut hadir sama dalam memberi sokongan atas penganjuran program ini di BPLS.

Program ini telah diteruskan ke pejabat JPS Negeri Johor di mana program ini telah dilaksanakan pada 23 Ogos

2015 dan bertempat di Dewan Tayangan, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad, Kota Iskandar, Johor. Ketua Pengarah JPS Malaysia juga turut hadir dalam memberi sokongan dalam penganjuran program ini. Program ini telah dihadiri oleh Pengarah JPS Negeri Johor dan seramai 108 orang pegawai dan kakitangan JPS dari seluruh Negeri Johor.

## Majlis Pelancaran PROGRAM SUKA 4 RIVER EDUCATION CENTRE DAN SUKA 3 SG BUNUS HIDDEN RIVER WALK

Oleh: Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai

Majlis Pelancaran Program Suka 4 River Education Centre dan Suka 3 Sg. Bunus Hidden Walk telah berlangsung di Bangunan Lembaga M.A.S Kg Bharu pada 23 Ogos 2015. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur merangkap Yang Dipertua Lembaga Pentadbiran M.A.S Kg Bharu dan turut dihadiri oleh Ir. Mohd Said b Dikon, Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.

Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran awam khususnya masyarakat di kawasan Lembangan Sg. Bunus mengenai kepentingan menjaga kebersihan dan mengurangkan pencemaran di Sg. Bunus. Dengan penubuhan *education centre* Sg. Bunus di Kg. Bharu, ia dapat menggalakkan kegiatan pendidikan, penyelidikan dan aktiviti kemasyarakatan oleh komuniti dan pihak-pihak kepentingan di Lembangan Sg. Bunus terutama dari segi penjagaan dan pengurusan Sungai Bunus.



## MTCP 2015

Oleh: Bahagian Pembangunan Modal Insan

Seramai 15 peserta dari 10 negara telah menghadiri 6<sup>th</sup> International Course on Flood Mitigation and Stormwater Management 2015 pada 17 – 28 Ogos 2015 yang berlangsung di Dewan Dahlia Ampang. Kursus ini telah ditutup secara rasmi oleh YBhg. Dato' Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim, turut dihadiri YBhg. Dato' Ir. Mohd Abdul Nassir bin Bidin, YBhg Dato' Ir. Haj Zulkefli bin Hassan dan Ms. Fenny Nuli (Kementerian Luar Negeri).

Antara tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi kefahaman berkaitan konsep pengurusan banjir yang berkesan dan mengetahui kaedah atau teknologi terkini yang sesuai dalam mengatasi masalah banjir serta dapat mewujudkan hubungan baik di antara pelbagai negara dan juga perkongsian ilmu serta pengalaman berkaitan konsep pengurusan banjir dan juga kaedah mengatasi banjir serta perancangan oleh negara-negara yang menyertai kursus tersebut di masa akan datang.

# TAKLIMAT JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU)

Oleh: Unit Integriti



Pada 19 Ogos 2015 Unit Integriti selaku Urusetia Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah mengadakan Taklimat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) yang bertempat di Ibu Pejabat JPS Negeri Johor. Seramai 19 orang pegawai dari JPS Ibu Pejabat Negeri Johor telah menyertai taklimat tersebut termasuk Pengarah Negeri dan Jurutera Daerah.

Objektif taklimat ini diadakan adalah bagi memberi kefahaman dan meningkatkan pengetahuan tentang tatacara pelaksanaan Mesyuarat JITU di peringkat Negeri dan juga memantapkan pelaporan JITU.

Taklimat JITU telah disampaikan oleh Ir. Hj. Norlida bt. Mamad@Samad, dari Unit Integriti. Beliau telah menerangkan struktur JITU, terma-terma rujukan JITU dan contoh-contoh isu yang boleh dibincangkan dalam JITU. Manakala, Pn. Hanida bt Mohamad Fakhru Razi telah menerangkan bagaimana pelaksanaan Mesyuarat JITU di Ibu Pejabat dilaksanakan.



# LIVE TOGETHER WITH NATURE

Oleh: Bahagian Ukur Bahan Dan Pengurusan Kontrak

Dua pegawai dari Bahagian Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak iaitu Puan Norhayati Md Isa, Ketua Penolong Pengarah Kanan dan Puan Roslina Ahmad, Ketua Penolong Pengarah bersama-sama 12 peserta daripada Malaysia telah terpilih untuk menghadiri Kongress Pertubuhan Juruukur Bahan Asia Pasifik 2015 yang berlangsung pada 2 hingga 3 Jun 2015 di Yokohama, Japan.

Tema kongres adalah *Awareness of Nature in Effort Towards Sustainable World*. Objektif kongres ialah untuk menyediakan platform bagi menghasilkan dan membangunkan teknologi serta *business models* ke arah mencapai matlamat di atas.

Program ini akan diwujudkan melalui *Eco-friendly Projects, Disasters Prevention Measures and Effective Business Continuing Plan (BCP)* berlandaskan ekologi di negara membangun terutama di Jepun yang kerap menempuh gempa bumi serta negara serantau Asia Pasifik. Sejumlah 24 kertas kerja telah dibentangkan dan mendapat sambutan dan maklumbalas yang baik di kalangan peserta yang menyertainya.



Sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2015 telah diadakan pada hari Isnin, 24 Ogos 2015 bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Dengan tema "RAIKAN KEGEMILANGAN" pada tahun ini, majlis ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Turut hadir ialah YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat. Majlis juga telah dimeriahkan lagi dengan kehadiran tetamu yang terdiri dari pelbagai kementerian, jabatan, swasta & NGO.

# HARI WANITA KEBANGSAAN 2015

Oleh: Rahmah bt Mohd Ramli,  
Bahagian Mekanikal dan Elektrikal



## JPS Updates SIDANG REDAKSI '15

### PENASIHAT

YBhg. Dato' Ir. Zeinab Rehir bin Ibrahim

### PENYELARAS

Ir. Hji. Ab. Qader bin Osman

### KETUA EDITOR

Ir. Hj. Nisheed Mohamed bin Hj. C.J. Mada, Shetty

### EDITOR

Yuliana Binti Mada Seri

### PENOLONG EDITOR

Heyati binti Zeinal

Nurhayati binti Elias

Noraini binti Samsudin

Shelizauchi binti Nozimudin

Noor Amirah binti Abu Jehab

### SUMBANGAN BERITA OLEH

Uti Intigriti

Behagien Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak

Behagien Pengurusan Zon Pantai

Behagien Khidmat Pengurusan

Behagien Pembangunan Model Insan

Behagien Korporat

Behagien Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal

PUSPANITA JPS Malaysia

### DITERBITKAN OLEH

Behagien Korporat

Jabatan Pengiran dan Seliran, Malaysia

Jalan Sultan Salahuddin

50625 Kuala Lumpur

### DIREKA GRAFIK DAN DICETAK OLEH

D. JUDOD GLOBAL PRINT

Seluruh maklumat dan berita serta gambar-gambar untuk keluaran akan datang boleh dihantar kepada kami melalui:

Email : [yati@water.gov.my](mailto:yati@water.gov.my)

No. Tel : 03-26151765

Email : [nurhayati@water.gov.my](mailto:nurhayati@water.gov.my)

No. Tel : 03-26161449

Email : [noraini\\_s@water.gov.my](mailto:noraini_s@water.gov.my)

No. Tel : 03-26161461

## SEMINAR SEMPENA MINGGU PENYUSUAN SUSU IBU SEDUNIA 2015 PERINGKAT KEBANGSAAN

Oleh: Puspanita JPS, Malaysia

AJK Puspanita JPS Malaysia telah menghadiri Majlis Pelancaran & Seminar Sempena Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2015 Peringkat Kebangsaan bertempat di Dewan De' Seri Endon, Puspanitapuri, Putrajaya pada 25 Ogos 2015. Majlis ini telah dirasmikan oleh Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, Penasihat PUSPANITA KEBANGSAAN dan turut hadir bersama Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan Malaysia dan Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Hampir 1000 peserta yang menghadiri seminar ini, mendapat pengetahuan dan kesedaran mengenai kepentingan penyusuan susu ibu dan peranan dalam menjayakan penyusuan susu ibu terutama di kalangan pendedahan dan mempromosi dalam menyokong amalan penyusuan susu ibu.

Objektif seminar ini diadakan bagi:

- Meraih sokongan pelbagai sektor bagi membolehkan wanita bekerja menyusukan bayi dengan susu ibu secara selamat dan mencukupi.
- Menggalakkan tindakan daripada majikan untuk menjadi mesra keluarga/ ibu bapa bayi dan ibu secara aktif serta menyokong wanita bekerja agar terus menyusu bayi dengan susu ibu.
- Memaklumkan kepada orang awam mengenai hak perlindungan kehamilan dan bersalin di samping pengukuhan undang-undang kebangsaan serta penguatkuasaannya.

